



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 13 Mei 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



Arahan klinik swasta pamer harga ubat muktamad: KKM

Penetapan bagi yuran konsultasi pengamal perubatan am dimuktamad selepas peroleh keputusan Kabinet

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) kekal dengan pemberian tempoh tiga bulan advokasi bagi pelaksanaan Perintah Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (Penandaan Harga Ubat) 2025 yang bermula sejak 1 Mei lalu.

Selaras dengan pindaan akta di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) itu, Pejabat Menteri Kesihatan memaklumkan perintah itu muktamad berikutan ia sudah dilaksanakan.

"Muktamad (1 Mei) sebab ia sudah mula dilaksanakan. Cuma ada tempoh tiga bulan advokasi untuk penguatkuasaan pendidikan (*educational enforcement*) yang juga tempoh ideal penambahbaikan serta libat urus dengan pihak berkepentingan.

"Manakala penetapan bagi yuran konsultasi pengamal perubatan am (GP) akan dimuktamadkan selepas memperoleh keputusan Kabinet," katanya kepada BH, semalam.

Pelaksanaan dasar pemaparan harga ubat di fasiliti kesihatan swasta mencetuskan perbincangan hangat dalam kalangan pelbagai pihak, khususnya apabila KKM menetapkan tarikh kuat kuasa bermula 1 Mei lalu.

Tingkat ketelusan

Langkah itu satu reformasi sektor kesihatan swasta yang bertujuan meningkatkan ketelusan,

memperkuh hak pengguna dan memberi keupayaan kepada pesakit untuk membuat pilihan rawatan.

Bagaimanapun pelaksanaan-nya mendapat tentangan daripada doktor klinik swasta yang mendakwa ia tidak selari dengan realiti operasi klinik serta hospital swasta di negara itu.

Sebelum ini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, pula berkata KPDN hanya bertanggungjawab terhadap paparan harga ubat itu yang tertakluk

Bayaran ubat di klinik swasta lebih mahal hingga 75 peratus



di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011.

"Papar harga ubat ini memang di bawah KPDN, manakala yuran konsultasi di bawah akta KKM kerana sudah ada penurunan kuasa kepada KKM," katanya.

Beliau sebelum ini dilaporkan berkata penggabungan akta itu tidak tertakluk kepada sebarang pengecualian terhadap mana-mana sektor perniagaan.

Ibadat & Fadilat

Mughirah binti Syuhrah RA meriswayatkan Nabi SAW pernah melakukan solat sampai bengkok kedua tumit. Lalu Baginda ditanyu orang: "Mengapa anda memaksa diri begini? Padahal Allah mengampuni segala dosa baik yang lalu mahupun akan datang." Rasulullah SAW bersabda: "Tidak bolehlah aka menjadi seorang hamba Allah yang tahu bersyukur?" (HR Muslim)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:50	1:17	4:38	7:28	8:42
Alor Setar	5:51	1:17	4:38	7:28	8:42
P. Pinang	5:52	1:17	4:38	7:27	8:40
Ipoh	5:51	1:15	4:36	7:24	8:37
Kuala Lumpur	5:51	1:12	4:34	7:20	8:33
Shah Alam	5:51	1:12	4:34	7:20	8:33
Johor Bahru	5:44	1:04	4:26	7:08	8:21
Kuantan	5:45	1:07	4:28	7:13	8:26
Seremban	5:50	1:11	4:33	7:17	8:30
Bandar Melaka	5:50	1:10	4:32	7:16	8:28
Kota Bharu	5:44	1:10	4:31	7:21	8:30
K. Terengganu	5:41	1:06	4:27	7:16	8:29
Kota Kinabalu	4:49	12:14	3:35	6:24	7:38
Kuching	5:19	12:39	4:01	6:44	7:56

Lebih 1,000 pelanggan spa rugi RM500,000

28 spa seluruh negara
ditutup tanpa notis awal

Oleh NURATIKAH ATHILYA
HASSAN
JOHOR BAHRU

Lebih 1,000 pelanggan mendakwa menjadi mangsa penipuan apabila sebuah pusat kesihatan dan kecantikan (spa) yang beroperasi di beberapa cawangan seluruh negara ditutup tanpa sebarang notis awal.

Pengerusi Biro Aduan Perkhidmatan Awam MCA, Heng Zhi Li berkata, pusat spa tersebut yang mempunyai 28 cawangan di lima negeri termasuk Johor, menamatkan operasi menyebabkan pelanggan gagal menerima perkhidmatan walaupun sudah membuat bayaran penuh.

"Tindakan itu menyebabkan pengguna yang sudah membuat bayaran penuh tidak lagi menerima perkhidmatan yang dijanjikan.

"Ramai yang terkejut apabila mendapati perkhidmatan yang dibayar ribuan hingga puluhan ribu ringgit tidak dapat diteruskan. Jumlah kerugian dianggarkan melebihi RM500,000," katanya dalam sidang akhbar di Bangunan MCA, di sini pada Isnin.

Mengulas lanjut, Zhi Li berkata, antara perkhidmatan yang ditawarkan oleh spa itu termasuk terapi leher dan bahu, rawatan angin, penjagaan kepala serta penjagaan wanita.

Tambahnya, harga asal bagi se-



Antara mangsa penipuan yang hadir ke sidang akhbar di Bangunan MCA, Johor Bahru pada Isnin.

tiap sesi adalah antara RM288 hingga RM388 sebulan bagi pakej berjumlah antara RM2,400 hingga RM10,000.

Menurutnya, kebanyakan mangsa merupakan suri rumah yang membuat bayaran tunai atau menggunakan kad kredit secara ansuran. Walaupun kini perkhidmatan itu dibatalkan, mereka masih perlu menjelaskan bayaran kepada pihak bank.

"Pengusaha pusat berkenaan, dalam satu video di Facebook, mendakwa bahawa operasi masih berjalan dan meminta pelanggan bersabar, tetapi siasatan kami mendapati semua cawangan telah ditutup.

"Hasil semakan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia menunjukkan syarikat ini memiliki 28 cawangan didaftarkan dan amat pada 30 April dan 7 Mei lalu. Situasi ini menimbulkan kekeliruan kepada pelanggan," jelasnya.

Sementara itu, katanya lagi, antara alasan yang diberikan oleh pengusaha bagi menamatkan operasi ialah masalah aliran tunai dan kekurangan tenaga kerja.

Zhi Li berkata, di Johor sahaja spa tersebut memiliki 11 cawangan dan sehingga pagi Isnin, sebanyak 54 laporan polis telah diterima oleh pihak MCA Johor membabitkan kes yang sama.

"Justeru, kami menggesa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup untuk menyasiat kes ini dengan segera.

"Kami juga memberikan tempoh seminggu kepada pengusaha untuk menghubungi pelanggan dan mencari penyelesaian.

"Pada masa sama, kami telah mencadangkan kepada pengadu untuk membuat tuntutan melalui Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia," jelasnya.



PPM rampas dua kapal bersama 78,500 liter diesel bernilai RM13.29 juta

Oleh **FARDY BUNGGGA**

KOTA KINABALU: Dua kapal bersama 78,500 liter minyak diesel yang dianggarkan bernilai keseluruhan RM13.29 juta dirampas selepas dikesan melakukan aktiviti pemindahan secara tidak sah, semalam.

Komander PPM Wilayah Empat Sabah, Asisten Komisioner Nazri Ibrahim berkata, kedua-dua kapal tersebut dikesan melakukan aktiviti berkenaan ketika berada di kawasan perairan daerah ini.

Katanya, ketika serbuan, pasukan operasi turut menahan 11 individu warga tempatan berusia lingkungan 20 hingga 50 tahun

yang berada di kedua-dua kapal berkenaan untuk membantu siasatan.

"Kedua-dua kapal dikesan ketika sedang melakukan aktiviti pemindahan minyak secara tidak sah di kawasan perairan Kota Kinabalu.

"Hasil tangkapan itu, pasukan operasi berjaya merampas 78,500 liter minyak diesel dengan anggaran nilai keseluruhan rampasan sebanyak RM13.29 juta," katanya dalam kenyataan media.

Menurutnya, operasi yang berjaya ini dilakukan bersama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Operasi ini menampakkan usa-

ha kolaborasi antara jabatan yang serius dalam membanteras aktiviti penyeludupan bahan kawalan dan rekod tangkapan penyeludupan ke luar negara.

"Kesungguhan pasukan dalam membanteras kegiatan ini secara konsisten telah memberi kesan kepada masyarakat terutamanya tentang ketirisan minyak subsidi ini," katanya.

Sementara itu, Nazri berkata, berdasarkan rekod tangkapan sejak Januari hingga Mei tahun ini, sebanyak 80 kes sudah diambil tindakan di seluruh Wilayah 4 Sabah.

Katanya, ia melibatkan rampasan keseluruhan melebihi

RM28.61 juta serta berjaya menahan seramai 107 orang.

"Operasi antara agensi terutamanya bersama dengan KPDN ini juga membantu dalam mempermudah proses risikan dan juga tangkapan dalam setiap operasi yang dilaksanakan.

"Tumpuan juga diberikan kepada lain-lain kesalahan di dalam akta ini iaitu penyeludupan keluar minyak masak, gula serta tong gas ke negara jiran.

"Tumpuan diberikan kepada daerah Kudat, Sandakan, Lahad Datu, Semporna dan Tawau yang sememangnya berada berhampiran dengan negara jiran," katanya.



DIRAMPAS... Dua kapal bersama 78,500 liter minyak diesel yang dianggarkan bernilai keseluruhan RM13.29 juta dirampas selepas dikesan melakukan aktiviti pemindahan secara tidak sah, semalam.



Kerajaan ambil pendekatan diplomasi hadapi ketegangan global

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Ketegasan kerajaan dalam mempertahankan dasar nasional ketika berhadapan dengan tekanan perdagangan dari Amerika Syarikat (AS) mencerminkan pendekatan seimbang antara diplomasi perdagangan dan kedaulatan ekonomi negara, demikian menurut CGS International.

Penganalisisnya, Jeremy Goh, berkata pendirian yang dinyatakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam Sidang Khas Parlimen pada Isnin minggu lalu, memperlihatkan kesediaan Malaysia untuk terus terbabit dalam rundingan global tanpa mengorbankan dasar teras negara seperti hak Bu-

miputera, keutamaan vendor tempatan dan perlindungan sektor strategik.

"Ketegasan kerajaan memperlihatkan keseimbangan yang penting antara memelihara kepentingan nasional dan menjalin hubungan dagang yang pragmatik dengan kuasa ekonomi besar seperti AS," katanya dalam nota penyelidikan.

Dalam sidang media selepas pengumuman Sidang Khas Parlimen, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, rundingan antara Malaysia dan AS berkisar kepada empat tuntutan utama Washington iaitu menangani ketidakseimbangan dagangan, halangan bukan tarif, kawalan teknologi serta penjarangan pelaburan, susulan pengenaan tarif ke atas barangan dari 60 negara termasuk Malaysia.

Terdahulu, dalam sesi penerangan, Perdana Menteri berkata, Malaysia bersedia mempertimbangkan pembelian strategik dari AS seperti pesawat Boeing,

memperkemas proses perdagangan dan pelaburan serta memperkukuh perlindungan harta intelek dalam sektor berteknologi tinggi seperti cip berkuasa tinggi.

Bagaimanapun, Anwar yang juga Menteri kewangan menegaskan, sebarang kerjasama tidak akan mengorbankan dasar sedia ada yang melindungi kepentingan tempatan, termasuk sektor strategik seperti perbankan, minyak dan gas (O&G) serta telekomunikasi.

CGS International berkata, pendekatan itu memberi keyakinan bahawa Malaysia mampu bertindak secara diplomatik dalam menghadapi ketegangan global tanpa berganjak daripada asas kedaulatan ekonominya.

"Malaysia antara hanya 18 negara yang sudah memulakan rundingan dengan AS berhubung tarif ini. Perkembangan ini menunjukkan peranan aktif negara dalam mengurus risiko perdagangan global secara berhemah," katanya.

Meskipun berdepan tekanan luar, Anwar turut mengekalkan

sasaran defisit fiskal 2025 pada paras 3.8 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), walaupun mengakui unjuran pertumbuhan ekonomi 4.5 hingga 5.5 peratus mungkin tidak dapat dicapai.

Kekalkan disiplin fiskal

Langkah reformasi fiskal seperti peluasan skop Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) serta rasionalisasi subsidi RON95 dijangka tetap diteruskan dalam tahun ini, menandakan kesungguhan kerajaan mengekalkan disiplin fiskal.

Sebagai sokongan kepada penguatkuasaan, terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terjejas, kerajaan turut menyediakan jaminan tambahan RM1 bilion di bawah Skim Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) serta Dana Pembiayaan Mudah melalui Institusi Pembangunan Kewangan berjumlah RM500 juta.

Selain itu, kerajaan juga dilihat akan mempercepat pelaksanaan projek pembangunan, termasuk inisiatif berkaitan Rangkaian

Kuasa ASEAN seperti projek rentas sempadan Sarawak-Johor-Singapura dan Vietnam-Kelantan-Singapura.

Bagi sektor pembinaan, CGS International berpendapat kerajaan sedang meneroka peluang untuk mempercepatkan pelancaran projek.

"Ini sejajar dengan pandangan kami bahawa kerajaan mungkin mempertimbangkan untuk menyuntik dana jika kesan tarif menjadi teruk," katanya.

CGS International mengekalkan sasaran Indeks FBM KLCI pada paras 1,680 mata menjelang akhir 2025, disokong oleh jangkaan penurunan semula kadar faedah Rizab Persekutuan (Fed) AS dan ketegangan perdagangan global yang semakin reda yang sepatutnya memulihkan pergerakan ringgit.

"Pergerakan Bursa Malaysia yang positif juga akan disokong ketegangan perdagangan global yang semakin surut dengan tanda-tanda awal dapat dilihat menerusi langkah penangguhan 90 hari pada kadar 10 peratus oleh AS," tambah Goh.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 13 MEI 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
13-May	Pemaparan harga ubat satu ketelusan, perkara hak pengguna	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/05/1393867/pemaparan-harga-ubat-satu-ketelusan-perkasa-hak-pengguna	BERITA HARIAN
13-May	Penguatkuasaan perintah pemaparan harga tingkat kuasa pengguna	https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/ulasan-berita/senarai-ulasan-berita/senarai-artikel/penguatkuasaan-perintah-pemaparan-harga-tingkat-kuasa-pengguna	RTM
13-May	PPM rampas diesel cuba diseludup, aset bernilai RM10.2 juta	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/05/1393983/ppm-rampas-diesel-cuba-diseludup-aset-bernilai-	BERITA HARIAN
13-May	Polis Marin bongkar aktiviti penyelewengan diesel di Kuching	https://utusanarawak.com.my/polis-marin-bongkar-aktiviti-penyelewengan-diesel-di-	UTUSAN SARAWAK
13-May	PPM tumpas cubaan seleweng diesel, aset bernilai RM10.2 juta dirampas	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/05/1216653/ppm-tumpas-cubaan-seleweng-diesel-aset-bernilai-rm102-juta-	HARIAN METRO
13-May	Polis Marin tumpaskan cubaan seleweng diesel, aset bernilai RM10.2 juta dirampas	https://www.buletintv3.my/nasional/polis-marin-tumpaskan-cubaan-seleweng-diesel-aset-bernilai-rm10-2-juta-dirampas/	TV3
13-May	Akta 723 terpakai untuk semua sektor tak mengira darjat	https://api.bharian.com.my/berita/nasional/2025/05/1393995/akta-723-terpakai-untuk-semua-sektor-tak-mengira-	BERITA HARIAN

13-May	Spa ditutup tiba-tiba, lebih 1,000 pelanggan rugi RM500,000	https:// www.sinarharian.com.my/ article/727998/edisi/johor/ spa-ditutup-tiba-tiba-lebih- 1000-pelanggan-rugi- rm500000	SINAR HARIAN
13-May	1,000 pelanggan rugi RM500,000 menuntut penjelasan pusat spa	https:// malaysiaga- zette.com/2025/05/12/1000- pelanggan-rugi-rm500000-tuntut -penjelasan-pusat-spa/	MALAYSIA GAZETTE
13-May	Penandaan harga ubat: KKM kekal beri tempoh tiga bulan advokasi	https://api.bharian.com.my/ berita/ nasional/2025/05/1395092/ penandaan-harga-ubat-kkm- kekal-beri-tempoh-tiga-bulan- advokasi	BERITA HARIAN